

**UCAPAN**  
**Y.B DATUK PETER CHIN FAH KUI**  
**MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA,**  
**DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEKEBUN KECIL,**  
**ESTET DAN USAHAWAN KOKO**  
**18 FEBRUARI 2009 (RABU), 9.00 PAGI**  
**HOTEL LE MERIDIEN, KOTA KINABALU SABAH**

---

Y. Bhg. Tan Sri Abi Musa Asaari,  
Pengerusi Lembaga Koko Malaysia,

Y. Bhg. Dato' Dr. Azhar Ismail  
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia;

Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia;

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan  
Komoditi;

Pegawai-pegawai Kanan Lembaga Koko Malaysia;

Dif-dif jemputan;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

Salam hormat dan selamat sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia kerana menjemput saya menghadiri majlis pada hari ini. Saya amat gembira kerana pada hari ini saya dapat bertemu dengan “key players” dalam industri koko di Malaysia iaitu para pekebun kecil, wakil-wakil estet dan usahawan-usahawan produk berasaskan koko yang merupakan nadi kepada industri koko negara. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini menggambarkan komitmen dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan dalam melaksanakan peranan masing-masing demi kemajuan industri koko negara.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) kerana berjaya menganjurkan persidangan ini, yang saya rasa amat penting bagi menghubungkan LKM sebagai agensi yang bertanggungjawab ke atas kemajuan industri koko negara dengan tuan-tuan dan puan-puan, “key players” dalam industri koko di Malaysia. Jalinan kerjasama yang erat adalah penting untuk kita sama-sama berkongsi hasil kemajuan teknologi, membincangkan isu-isu semasa dan berinteraksi dengan semua peringkat dalam industri ini. Persidangan pada hari ini juga merupakan peluang kepada tuan-tuan dan puan-puan berkongsi kejayaan masing-masing serta mengetengahkan masalah-masalah yang dihadapi untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian. Maklumbalas seperti

ini adalah amat berguna untuk LKM merancang dan menentukan program pembangunan industri koko agar apa jua program yang dilaksanakan akan memberi faedah kepada tuan-tuan dan puan-puan. Sesuai dengan tema persidangan kali ini, “Kemampuan Produktiviti Koko Melalui Penglibatan Aktif Pekebun Kecil, Estet dan Usahawan”, penglibatan tuan-tuan dan puan-puan adalah amat penting bagi memastikan industri koko akan terus kekal mendatangkan pendapatan kepada semua pihak yang terlibat dan juga memberi sumbangan yang ‘significant’ kepada pendapatan eksport negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Seperti yang kita sedia maklum, industri koko negara pada masa kini berada dalam keadaan yang tidak seimbang di antara pengeluaran dan pengisarannya. Pada tahun 2008, kita telah mengimport sebanyak 423,946 tan biji koko yang bernilai kira-kira RM 3.1 bilion bagi menampung keperluan industri pengisaran koko negara. Jumlah tersebut amatlah tinggi jika dibandingkan dengan pengeluaran biji koko kita yang cuma merekodkan kira-kira 30,000 tan iaitu tidak sampai 10% keperluan pengisaran negara. Ini adalah suatu situasi yang amat mendukacitakan memandangkan kita pernah mengeluarkan 247,000 tan biji koko setahun pada tahun 1990.

4. Menyedari ketidakseimbangan tersebut, Kerajaan melalui Lembaga Koko Malaysia telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran biji koko negara. Usaha ini telah dimulakan sejak Rancangan Malaysia ke-7 pada tahun 1996 dan ianya telah diteruskan sehingga kini dalam Rancangan Malaysia ke-9. Cabaran utama dalam melaksanakan program ini adalah persaingan ke atas tanah untuk pertanian yang terhad. Dalam Rancangan Malaysia ke-7, seluas 1,106 hektar kawasan tanaman koko berjaya diwujudkan. Keluasan tanaman koko ini telah ditingkatkan kepada 3,583 hektar dalam Rancangan Malaysia ke-8. Dalam Rancangan Malaysia ke-9, sehingga kini seluas 7,056 hektar kawasan tanaman koko telah dibangunkan, iaitu 1,031 hektar di semenanjung, 3,181 hektar di Sabah dan 2,844 hektar di Sarawak.

5. Bagi menggambarkan kesungguhan untuk memastikan komoditi ketiga terpenting ini terus menyumbangkan sumbangannya kepada negara, sebanyak RM83.5 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 untuk meningkatkan kawasan tanaman koko melalui 4 program, iaitu Program Pemulihan Tanaman Koko, Program Pembangunan Konsolidasi Kelompok, Program Pembangunan Usahawan Koko dan Program Pembangunan Kapasiti. Di bawah program-program tersebut, LKM menyediakan bantuan baja dan bahan tanaman yang berkualiti tinggi serta memberi bimbingan melalui penganjuran kursus-kursus dan tunjuk ajar kepada mereka yang berminat. Saya menyarankan agar klon-klon yang mempunyai daya rintangan terhadap perosak dan penyakit digunakan dalam semua program ini bagi mengoptimumkan hasil pengeluaran koko.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sebagai kayu pengukur, Lembaga Koko Malaysia telah mensasarkan untuk meningkatkan pengeluaran biji koko negara agar ia dapat menghasilkan kira-kira 60,000 tan setahun bagi memenuhi sekurang-kurangnya 20% daripada keperluan industri pengisar tempatan menjelang tahun 2020.

7. Dengan harga biji koko kering yang agak stabil di sekitar RM6,000 hingga RM8,000 setan dari tahun 2007 sehingga kini, tanaman koko adalah salah satu komoditi yang kompetitif untuk ditanam. Malahan, pekebun kecil tidak perlu risau tentang pasarannya memandangkan para pengisar tempatan masih mengalami kekurangan biji koko tempatan. Oleh itu, adalah wajar untuk kita menumpukan perhatian yang serius bagi mengoptimumkan tanah pertanian yang ada untuk meningkatkan pengeluaran biji koko.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Dengan penganjuran persidangan ini, saya menjangkakan jalan penyelesaian ke atas isu-isu yang mempengaruhi kemajuan industri koko negara dapat dikenalpasti dan dengan itu usaha dapat digandakan bagi memajukan lagi industri koko negara ke tahap yang lebih tinggi. Saya berharap segala hasil perbincangan dalam persidangan ini dapat disebarkan kepada semua pihak yang terlibat dalam industri koko untuk dimanfaatkan sepenuhnya.

9. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Koko Malaysia kerana berjaya menganjurkan persidangan ini. Semoga persidangan ini dapat memanfaatkan tuan-tuan dan puan-puan dalam usaha kita bersama-sama memajukan industri koko di Malaysia. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Pekebun Kecil, Estet dan Usahawan Koko bagi tahun 2009.

Sekian dan selamat maju jaya.